

Dinar emas antara agenda perbincangan Dr. Mahathir - Presiden Khatami

0912 1 JUL 2002

KOTA TINGGI 20 Julai — Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijangka membincangkan isu pelbagai hala termasuk penggunaan mata wang dinar emas dan isu keganasan dengan Presiden Iran, Seyed Mohamad Khatami sempena lawatan rasminya tiga hari ke Malaysia bermula esok.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, kedua-dua negara akan menandatangani lima memorandum persefahaman

(MoU) bagi mempertingkatkan kerjasama antara Iran dan Malaysia.

"Lawatan Khatami ini telah dirancang sekian lama atas jemputan Yang di-Perutusan Agong," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sekolah Agama Bandar di sini hari ini.

Kali terakhir Presiden Iran melawat Malavsia ialah pada tahun 1994 yang dilakukan oleh presidennya ketika itu, Akhbar Hashemi Rafsanjani.

Lawatan delegasi sera-

man orang termasuk lima menteri, lima timbalan menteri serta pegawai-pegawai kanan kerajaan itu juga, kata Sved Hamid, bertujuan meningkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan.

"Pada masa sekarang kita sudah ada velaburan dalam bidang petroleum di negara itu dan mereka juga mahu melihat kita terlibat dalam pelaburan lain seperti bidang telekomunikasi," katanya.